



Perladangan, hartanah antara paling cemerlang suku ketiga

Sektor tenaga, barangan getah catat prestasi mengecewakan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Prestasi sektor perladangan dan hartanah mengatasi jangkaan pada suku ketiga berakhir 30 September 2025, manakala sektor tenaga dan barangan getah dilihat mengecewakan.

Pendapatan syarikat korporat di Malaysia secara keseluruhannya pada suku berkenaan dilihat lebih baik dan positif meskipun berdepan persekitaran yang mencabar, demikian menurut penganalisis.

Pada suku itu, RHB Research berkata, syarikat yang mencatatkan pendapatan yang tidak men-

capai sasaran adalah sebanyak 26.6 peratus, lebih rendah berbanding 36.7 peratus dicatatkan pada suku kedua berakhir 30 Jun 2025.

Menurutnya, pendapatan syarikat korporat bawah liputannya yang mengatasi jangkaan pula adalah sebanyak 19.4 peratus, lebih baik berbanding 13.3 peratus yang dicatatkan pada suku sebelumnya.

"Petronas Chemicals Group Bhd (PChem) adalah syarikat yang sentiasa menyumbang pada semakan negatif anggaran perolehan dan pada suku ini Tenaga Nasional Bhd (TNB), IHH Healthcare Bhd dan beberapa saham pengguna turut berdiri seiring dengannya.

"Pengurangan ini diimbangi oleh semakan positif dalam sektor perladangan, pembinaan dan bahan asas," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Sementara itu, CIMB Securities juga positif terhadap musim

pelaporan pendapatan suku ketiga 2025, dengan 21 peratus syarikat mengatasi jangkaan, meningkat berbanding 16 peratus pada suku kedua 2025, 27 peratus berprestasi rendah berbanding 29 peratus sebelumnya dan selebihnya memenuhi jangkaan.

Prestasi lebih baik

Justeru, katanya, nisbah mengatasi jangkaan berbanding tersasar lebih baik dari suku ke suku kepada 0.78 kali berbanding 0.55 kali pada suku kedua 2025 dan 0.63 kali pada suku ketiga 2024.

"Konstituen KLCI di bawah liputan kami menunjukkan prestasi yang lebih baik, dengan 27 peratus mengatasi jangkaan dan 15 peratus tersasar, dengan nisbah mengatasi jangkaan berbanding tersasar yang lebih tinggi iaitu 1.8 kali pada suku ketiga 2025 berbanding 1.0 kali pada suku kedua 2025," katanya.

MBSB Research pula berkata,

peratusan syarikat di bawah liputannya yang mencatatkan pendapatan melebihi jangkaannya meningkat kepada 19 peratus pada suku ketiga 2025 berbanding 11 peratus pada suku sebelumnya.

Sebaliknya, katanya, peratusan kejutan negatif menurun kepada 22 peratus berbanding 29 peratus dalam suku kedua 2025.

Berdasarkan laporan tinjauan terkini oleh TA Securities pula, syarikat di bawah liputannya merekodkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 6.2 peratus tahun ke tahun selepas mengalami penurunan pada suku kedua dan pertama masing-masing sebanyak 2.4 peratus dan 0.8 peratus.

Justeru, ia menyifatkan pemulihan itu sebagai kelegaan yang dinantikan pasaran tempatan.

TA Securities menjelaskan bahawa lonjakan pendapatan itu diterajui terutama oleh sektor pembinaan, pengguna

dan insurans.

Menurutnya, prestasi membangunkan sektor itu berjaya mengimbangi kelemahan dalam sektor minyak dan gas, media serta perjudian.

Katanya, pemulihan itu disokong oleh prestasi operasi yang lebih kukuh daripada jangkaan, kadar penggunaan buku pesanan yang meningkat serta pemulihan margin keuntungan.

Berikutan prestasi pelaporan yang positif, TA Securities menaikkan unjuran pendapatan bagi tahun kewangan 2025 dan 2026 masing-masing sebanyak 1.0 peratus dan 0.1 peratus, mencerminkan peningkatan meluas merentasi pengangkutan, pertaruhan, insurans, perladangan, pembinaan dan pengguna.

Ia juga mengekalkan sasaran akhir 2025 bagi FBM KLCI pada paras 1,660 mata berdasarkan nisbah harga kepada pendapatan (PER) tahun kalendar 2026 sebanyak 14.5 kali.